

Kelas hafal Al-Quran kanak-kanak Jamiyah dapat sambutan

Nov 03, 2015 | 06:36 AM

Berita Harian



Kongsi



HAFIZ CILIK: Cik Rahayu (bertudung kuning) dan seorang peserta Little Huffaz dalam majlis penyampaian sijil program itu bersama (berdiri, dari kiri) Presiden Jamiyah, Dr Hasbi; wakil Kedutaan Arab Saudi Encik Naji Al-Anbar; dan Pengarah Eksekutif JEC, Cik Nora Rustham.

SEMAKIN ramai ibu bapa menghantar anak mereka ke kelas menghafaz Al-Quran.

Demikian menurut Pusat Pendidikan Jamiyah (JEC) yang melaporkan bilangan peserta program hafal Al-Quran Little Huffaz anjuran pusat itu meningkat secara mendadak 170 peratus tahun ini sejak pelancaran program itu dua tahun lalu.

Daripada 30 peserta pada 2013, program itu kini mempunyai sekitar 80 murid tadika.

Program itu melatih kanak-kanak berusia empat hingga enam tahun menghafal sebanyak 38 surah daripada Juz Amma.

Program tiga tahun itu sebahagian daripada persiapan bagi murid yang mungkin dimasukkan ke madrasah sepenuh masa.

Antara syarat bagi kemasukan ke madrasah ialah membaca dan menghafal sekurang-kurangnya 10 surah Al-Quran.

Seramai 24 pelajar tamat menjalani program itu tahun ini.

Upacara penyampaian sijil yang diadakan di Jamiyah, Lorong 12 Geylang, Sabtu lalu itu dihadiri Anggota Parlimen GRC Jurong, Cik Rahayu Mahzam.

Semasa berucap, Cik Rahayu menyifatkan program itu sebagai satu inisiatif inovatif yang memberi manfaat kepada generasi muda.

"Saya berharap ibu bapa terdorong memasukkan anak mereka dalam program seperti ini agar keupayaan membaca, penghargaan dan cinta Al-Quran terus dihidupkan," ujarnya.

Ibu seorang peserta, Cik Aisyah Anwar Ali, berkata program itu membantu melatih keupayaan minda anaknya, Ali Muhsin, enam tahun.

"Oleh itu, dia boleh belajar dengan pantas, sama ada dari segi bahasa atau matematik, dan membangun beliau secara menyeluruh," ujar Cik Aisyah.

Naib Presiden I Jamiyah, Dr H. M. Saleem, berkata program itu bukan sahaja melatih kanak-kanak menghafal Al-Quran, bahkan memupuk nilai positif dengan tumpuan kepada ajaran Islam.

"Di bawah kepimpinan Presiden Jamiyah, Dr Mohd Hasbi Abu Bakar, kami terus menyelidik dan menyemak format dan kaedah dalam menjalankan program pendidikan Islam di pelbagai pusat kami," jelasnya.

Tahun depan, JEC merancang meningkatkan program Little Huffaz dengan bekerjasama dengan Pusat Penjagaan Kanak-Kanak Jamiyah dan Pusat Pendidikan Awal Kanak-Kanak Jamiyah.

<http://www.beritaharian.sg/setempat/kelas-hafal-al-quran-kanak-kanak-jamiyah-dapat-sambutan>